

Dari Sebulan ke Sebulan

Perjuangan rakyat Algeria telah mendapat sokongan penuh dari rakyat Singapura dan Persekutuan Tanah Melayu. Bukan sahaja sokongan semangat tetapi juga sokongan mata benda yang sememangnya sangat-sangat dikehendaki oleh rakyat Algeria untuk melanjutkan perjuangan sucinya.

Baharu-baharu ini kerajaan Singapura telah membuka tabung derma untuk rakyat Algeria dengan mendermakan \$10,000. Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu dipercayai akan berbuat demikian.

Langkah Kerajaan Singapura itu seyogialah dipuji dan telah pun disambut baik oleh badan-badan Islam di sini. Kita percayai rakyat Singapura dan Persekutuan Tanah Melayu - terutama kaum Muslimin - akan menghulurkan derma baktinya kepada *Tabung Perjuangan Rakyat Algeria* yang sedang menentang penjajah Perancis yang kejam dan tidak berperni kemanusiaan.

Kalau Bangsa-bangsa Bersatu telah mengecewakan rakyat Algeria, dengan membiarkan Perancis membunuh mereka dengan senjata "*Pakatan (Kumpulan Penjajah) Nato*", maka rakyat dan kerajaan-kerajaan dunia yang insaf tidak membiarkan Algeria keseorangan.

Penjajah Perancis di Algeria lambat sangat akan jatuh tersungkur dan akan mengalami nasib sebagaimana yang telah dialaminya di Indo-China.

* * *

Memandang sikap bangsa-bangsa Bersatu terhadap Algeria, dan sebelum itu terhadap Palestin, dan



Mendiang Patrice Lumumba

sekarang pula di Congo, menimbulkan satu pertanyaan: pertubuhan dunia yang gah masyhur itu menjadi alat untuk Penjajah Barat?

Mendiang Patrice Lumumba, Perdana Menteri negara Congo yang sah dipilih oleh rakyat Congo telah dikecewakan oleh Bangsa-bangsa Bersatu.

Tentera Bangsa-bangsa Bersatu yang telah diminta oleh Patrice Lumumba untuk menjaga keselamatan di negerinya telah membiarkan beliau ditangkap oleh tali barut-tali barut penjajah Belgium untuk diseksa dan kemudian ditumpahkan darahnya.

Kejadian yang paling malang di Congo ini adalah menjadi satu titik hitam lagi dalam sejarah Bangsa-Bangsa Bersatu.

* * *

Rang Undang-undang itu telah dikaji oleh badan-badan

Satu rapat raksasa diadakan di Stadium

Islam Singapura. Misalnya, Persekutuan Seruan Islam

Happy World pada 26 Februari yang lalu. Rapat umum

(*Jamiyah*) sudah pun membentuk satu jawatankuasa

itu telah mengambil keputusan mengutuk pembunuhan pemimpin

untuk mengkajinya dan memberikan fikiran terhadap

Congo Patrice Lumumba dan menuntut supaya

sebahagian daripada Rang Undang-undang itu yang dipandang bertentang

pembunuh-pembunuhnya itu ditangkap dan dihukum bunuh.

dengan hukum Islam.

Bantahan rakyat Singapura ini, telah menambahkan lagi

Sebelum itu, PAS Singapura dan Persatuan

suara negara-negara dunia, yang mengutuk pencerobohan penjajah

Guru-guru Agama Singapura telah pun menghantarkan bantahan

Belgium dan suku sakatnya di Congo.

kepada pemerintah terhadap Rang Undang-undang itu dan meminta

* * *

supaya masa untuk mengkajinya dilanjutkan.

Dengan desakan masyarakat Islam Singapura, Rang

Khabarnya suatu perjumpaan ramai badan-badan Islam

Undang-undang Pentadbiran Hukum Islam Singapura, telah

seluruh Singapura akan diadakan lepas Hari Raya untuk

ditangguhkan masa orang ramai memberi fikiran berkenaan

menyelidik dan mengambil keputusan terhadap Rang Undang-undang

dengannya, hingga 26 April 1961.

tersebut.

Qāla Rasūlu Allāhi ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam..

Ṣawmu raḍāna mu‘allaqun bayna al-smā’i wa al-arḍi

lā yurfa‘u illā bizakati al-fiṭri

Rasulullah *salla Allahu ‘alayhi wa sallam* bersabda: “amal puasa (seseorang itu) tergantung di antara langit dan bumi, tidak terangkat (tidak diterima oleh Allah Ta’ala) melainkan dengan zakat fiṭrah.